

Empat polis bawa rokok, dadah untuk tahanan

Sogokan makan diri

Oleh DIYANATUL ATIQAH
ZAKARYA

MELAKA – Empat anggota polis direman tujuh hari bagi membantu siasatan berhubung kes menerima rasuah RM12,000 untuk membawa masuk rokok, dadah, makanan dan tembakau untuk kegunaan tahanan lokap.

Suspek berusia antara 35 hingga 40 tahun itu diberkas pada pukul 7.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di

pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini.

Difahamkan, ketika kejadian, kesemua suspek berpangkat koperal dan lans koperal itu bertugas di sebuah balai polis di daerah Alor Gajah di sini tiga tahun lalu.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Majistret Mahkamah Ayer Keroh, Mazana Sinin bagi membantu siasatan dilakukan Seksyen 16 (a)(B) Akta SPRM 2009.

Suapan bagi tujuan membawa masuk barangan terlarang iaitu rokok, dadah, makanan dan tembakau untuk kegunaan tahanan lokap itu diterima menerusi 20 transaksi secara tunai atau pindahan online dengan setiap mereka menerima upah antara RM600 hingga RM9,000 sepanjang kesalahan dibuat.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka Mohd. Shahril Che Saad ketika dihubungi mengesahkan tempoh reman tersebut.



ANGGOTA dan pegawai SPRM membawa empat anggota polis untuk mendapatkan perintah reman di Mahkamah Majistret Ayer Keroh semalam.